

## Inflasi kekal 2%

**Kuala Lumpur:** Inflasi Malaysia kekal pada dua peratus pada Ogos 2023, sama dengan kadar pertumbuhan yang dicatatkan pada Julai 2023, kata Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Dalam satu kenyataan semalam, DOSM berkata, kadar inflasi yang dicatatkan pada Ogos disebabkan terutama oleh pertumbuhan lebih perlahan dalam restoran dan hotel, yang jatuh 4.7 peratus daripada lima peratus pada Julai 2023; makanan dan minuman bukan alkohol (4.1 peratus berbanding 4.4 peratus pada Julai 2023), serta pelbagai barang dan perkhidmatan yang menyederhana kepada 2.4 peratus dari pada 2.6 peratus pada bulan sebelumnya.

Ia berkata, kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol menyumbang 29.5 peratus dari pada keseluruhan wajarnan Indeks Harga Pengguna (IHP).

Sementara itu, ia berkata, kadar inflasi bagi sektor pengangkutan Ogos 2023 tidak mencatatkan sebarang peningkatan (0.0 peratus) berbanding -0.4 peratus pada Julai 2023.

Mengenai inflasi teras, DOSM berkata, ia meningkat 2.5 peratus pada Ogos 2023 berbanding 2.8 peratus pada Julai 2023, namun ia masih melepassi kadar inflasi nasional keseluruhan dua peratus.

"Peningkatan tertinggi dicatatkan oleh kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol iaitu dengan kenaikan 5.1 peratus, diikuti oleh kumpulan restoran dan hotel yang meningkat sebanyak 4.7 peratus dan pengangkutan (3.6 peratus).

"Sementara itu, pelbagai barang dan perkhidmatan dan kesihatan masing-masing meningkat 2.4 peratus," katanya.

Bagi perbandingan dengan negara-negara terpilih, DOSM berkata, inflasi dua peratus di Malaysia adalah lebih rendah berbanding Zon Eropah (5.3 peratus), Filipina (5.3 peratus), Republik Korea (3.4 peratus), Indonesia (3.3 peratus) dan Vietnam (3.0 peratus). Namun, kadar tersebut lebih tinggi berbanding Thailand (0.9 peratus) dan China (0.1 peratus), katanya.